

30/08/1998

Wujudkan instrumen kewangan Islam: PM (HL)

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan pakar agama dan ekonomi Islam mewujudkan instrumen kewangan bagi bersaing dengan sistem sedia ada berikutan pertumbuhan pesat urus niaga mata wang.

Perdana Menteri berkata, instrumen kewangan itu boleh menjadi alternatif yang membantu umat Islam menghadapi kekusutan sistem kewangan ketika ini dan menjelang abad ke-21.

"Kita lihat urus niaga kewangan dunia berkembang pesat dan umat Islam perlu satu kaedah baru untuk melakukan perdagangan mata wang.

"Kita perlu ada instrumen kewangan atau menyediakan alternatif yang boleh membantu umat Islam menghadapi abad ke-21," katanya ketika menutup Seminar Sistem dan Produk Kewangan Islam anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini semalam.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan, umat Islam perlu membuktikan pelaksanaan instrumen Islam itu berkesan dan bukan setakat bercakap sahaja.

Sebenarnya, kata Dr Mahathir sekarang adalah masa yang sesuai kerana beliau percaya, sekiranya umat Islam gagal, mereka akan dikuasai dan ditekan oleh orang lain untuk menerima sistem mereka.

"Sekiranya kita yakin kepada keimanan, kita perlu memastikan pelaksanaan sistem kewangan Islam dapat membangunkan umat sehingga ke peringkat kita mampu bersaing dan berjaya seperti orang lain," katanya.

Perdana Menteri menambah beliau percaya pakar agama dan ekonomi Islam boleh melakukannya jika membuat tafsiran terhadap sistem kewangan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Islam.

"Sekiranya kita berfikir bersama, kita akan mencapai satu jalan penyelesaian positif.

"Kita tidak boleh membiarkan pentafsiran dibuat oleh orang yang memiliki ilmu agama sahaja, kerana pengetahuan untuk membuat tafsiran yang baik dan luas, tidak boleh dilakukan seorang," katanya.

Perdana Menteri berkata, umat Islam memerlukan sekumpulan pakar yang bukan mendalami pengetahuan Islam sahaja, tetapi juga bidang lain sebelum membuat tafsiran untuk memberi faedah maksimum kepada umat Islam.

Menurut Dr Mahathir, umat Islam akan tertinggal di belakang sekiranya mengikut pandangan yang mendakwa mereka tidak perlu kekayaan dan cukup setakat melaksanakan ajaran yang diwajibkan oleh agama.

Berikutan itu, kata Perdana Menteri umat Islam yang miskin, apabila berhijrah ke negara lain, akan mudah hilang pegangan agama atau meninggalkan agama disebabkan terpengaruh dengan persekitaran mereka.

(END)